

**UCAPAN PERASMIAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**  
**MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-**  
**OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT  
PERNIAGAAN KEPADA KOPERASI  
KELUARGA HJ SHARIEF MELAKA BERHAD**

**10 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**

**10.00 PAGI**

**KOPERASI KELUARGA HJ SHARIEF  
MELAKA BERHAD**

Bismillahhirahmanirrahim,  
Assalam'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, dan Salam Perpaduan

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]**

# Tuan-Tuan, Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

---

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjatkan kepada Allah S.W.T. atas peluang untuk kita berkumpul bagi **PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN**

## **KEPADA KOPERASI KELUARGA HAJI SHARIEF MELAKA BERHAD.**

2. Dalam kesempatan ini saya mengalu-alukan kehadiran semua ke majlis ini. Terima kasih kepada Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad

yang sudi menjadi tuan rumah program ini.

3. Syabas dan tahniah kepada JPAN Melaka khususnya kepada Pengurusinya, Tuan Haji Ab. Rahim Md. Tawel dan barisan ahli

jawatankuasanya yang menjayakan program ini.

## **Tuan-Tuan / Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

4. Untuk makluman, sumbangan ini adalah dari zakat perniagaan

ANGKASA di bawah Projek Khas Bantuan Asnaf JPAN bagi tahun 2020. ANGKASA mengambil inisiatif membantu 90 orang asnaf melalui pemilikan saham koperasi kepada Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad. Bantuan ini turut merangkumi pembangunan projek tanaman cili dan

penternakan ayam dengan jumlah keseluruhan bernilai RM43,000.

5. Sumbangan saham ini, dapat meningkatkan pemilikan saham bumiputera dan meningkatkan lagi modal semasa koperasi bagi membesarkan perniagaan. Ia juga

dapat membantu kerajaan untuk memenuhi kuota pemilikan ekuiti bumiputera yang menjadi sasaran kerajaan sebanyak 30 peratus.

6. Inilah kelebihan berzakat. Selain dapat membantu mereka memerlukan, zakat juga boleh dimanfaatkan dengan

pelbagai cara antaranya membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara seperti membina masjid, sekolah, membantu pelajar tidak berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti universiti dan membina ekonomi negara.

7. Justeru, ANGKASA mahu lebih banyak koperasi menunaikan kewajipan berzakat melalui ANGKASA. Gerakan koperasi mempunyai kekuatan lebih 14,000 koperasi dan keanggotaan melebihi 7 juta mampu mengumpul dana melalui zakat untuk kepentingan bersama.

## **Tuan-Tuan / Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

8. Di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah, ANGKASA dilantik sebagai wakil Amil Zakat. Perkhidmatan zakat ditawarkan seperti

taksiran dan kutipan zakat bagi pihak Majlis Agama Islam. Ini bagi membantu pihak koperasi membuat pengiraan zakat.

9. Pada 2022, 655 buah koperasi membayar zakat dan pada tahun 2023,

disasarkan 1750 koperasi membayar zakat melalui ANGKASA.

10. Saya mengambil kesempatan ini, menyeru koperasi-koperasi menggunakan kelebihan ANGKASA sebagai amil zakat bagi sektor koperasi membayar zakat perniagaan. Lebih

banyak zakat dibayar maka lebih banyak manfaat diterima oleh koperasi.

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada JPAN Melaka atas kejayaan menjayakan majlis ini. Terima kasih kepada jemputan yang hadir dan

Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad yang menjadi tuan rumah kepada program ini.

Saya dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirahim merasmikan  
Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan

Kepada Koperasi Keluarga Haji Sharief  
Melaka Berhad.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.